



UPM perkasa literasi kesihatan dan pendedahan kerjaya komuniti Langkawi menerusi Program Health and Harmony



Oleh: Noor Eszereen Juferi

SERDANG, 22 Jun – Universiti Putra Malaysia (UPM) terus memperkukuh agenda pemindahan ilmu kepada masyarakat apabila menganjurkan Program Health and Harmony: Knowledge Transfer Project yang memberi tumpuan kepada peningkatan literasi kesihatan komuniti serta pendedahan peluang pendidikan dan kerjaya kepada pelajar sekolah di Pulau Langkawi, Kedah, baru-baru ini.

Program anjuran Sekretariat Jaringan Alumni dan Kerjaya, Majlis Perwakilan Kolej, Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee (KTMB) itu menghimpunkan mahasiswa, alumni, warga sekolah dan komuniti setempat menerusi pelbagai aktiviti berteraskan pendidikan, kesihatan dan pembangunan masyarakat.

Pengarah Program, Amni Zahira Saiful Anuar, berkata program tersebut mencerminkan komitmen UPM dalam memanfaatkan kepakaran universiti untuk memperkasa komuniti melalui pendekatan pemindahan ilmu yang bersifat praktikal dan inklusif.

“Melalui program ini secara langsung memberi manfaat kepada para pelajar serta membuka ruang untuk mereka mengenali dengan lebih dekat bidang perubatan, sains kesihatan dan veterinar sebagai pilihan pendidikan dan kerjaya pada masa hadapan,” katanya.

Sementara itu, pada hari pertama, program Explorace: Course Showcase diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kelibang bagi memperkenalkan bidang pengajian yang ditawarkan oleh Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) serta Fakulti Perubatan Veterinar (FPV), UPM.

Melalui pameran akademik, permainan berasaskan pembelajaran dan aktiviti interaktif, pelajar didedahkan kepada laluan pendidikan, skop pengajian serta prospek kerjaya dalam bidang sains kesihatan dan veterinar.



Guru Kaunseling, Sekolah Menengah Kebangsaan Kelibang, Langkawi, Fazliyana Athira Ishak, berkata pendekatan interaktif yang digunakan berjaya meningkatkan minat pelajar untuk mengenali bidang pengajian di peringkat universiti.

“Program ini memberi pendedahan yang sangat bermakna kerana pelajar sekolah ini bukan sahaja memperoleh maklumat mengenai peluang melanjutkan pengajian, malah dapat berinteraksi secara langsung dengan mahasiswa dan alumni UPM,” katanya.

Kemudiannya, pada hari kedua program diteruskan dengan aktiviti kesihatan komuniti bertemakan “Satu Langkah Seribu Manfaat” di Klinik Kesihatan Ayer Hangat yang memberi fokus kepada pendidikan kesihatan berkaitan penuaan sihat, amalan pemakanan seimbang serta pencegahan penyakit tidak berjangkit (Non-Communicable Diseases, NCD).

Pelajar Bacelor Kejururawatan Dengan Kepujian, FPSK, UPM, Nurin Jazlina Jasmi, berkata program itu membuka ruang kepada mahasiswa berkongsi maklumat kesihatan secara langsung dengan pengunjung klinik untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan mengamalkan gaya hidup sihat.

“Pengalaman berinteraksi dengan komuniti memberi perspektif yang lebih luas tentang peranan sebenar profesion kesihatan. Kami bukan sahaja berkongsi ilmu, malah belajar memahami keperluan masyarakat supaya penyampaian maklumat kesihatan lebih berkesan dan mudah difahami,” katanya.



Dalam pada itu, alumni UPM, Nadhirah Shuhaili yang juga graduan Bacelor Sains Pemakanan dan Kesihatan Komuniti dengan Kepujian, FPSK, UPM yang kini berkhidmat sebagai Pembantu Penyelidik di Institut Kesihatan Umum, Langkawi turut menyertai program tersebut.

Beliau berkata, penglibatan alumni dalam program seumpama itu membuktikan peranan berterusan graduan UPM dalam menyumbang kepakaran kepada masyarakat serta menjadi inspirasi kepada generasi muda untuk menceburi bidang kesihatan awam.



“Saya berharap lebih ramai graduan akan terus memanfaatkan kepakaran masing-masing untuk memberi impak positif kepada komuniti serta menjadi contoh kepada generasi muda yang berminat untuk menceburi bidang ini,” katanya.

Other News

UPM, National Taiwan Universit...
[Read more »](#)

UPM cungkil bakat matemati...
[Read more »](#)

Unity Fest satukan mahasiswa...
[Read more »](#)

UPM Perkasa Pelajar Sekolah...
[Read more »](#)

UPM anjur Program Zakat...
[Read more »](#)

Young Scientist Day 2026 lahirka...
[Read more »](#)

News Archive

Latest

Year

2026

2025

2024

2023

2022

2021

2020

2019

2018

2017

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

+603-9769 1000
pspk@upm.edu.my

Media

News
Article
Video
UPM in the News
Document

Contact Us

Feedback

Others

UPM Holdings
UPM Plate Number
Give to UPM
Tender and Contracts
Ministry of Higher Education
UPM AI HUB
Sustainability@UPM